

GST bantu selamat ekonomi negara

Kuala Lumpur: Meskipun dibantah pada peringkat awal, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada kadar enam peratus sejak 1 April 2015, terbukti berjaya.

Cukai itu yang diperkenalkan bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan tidak diterima baik beberapa pihak, namun akhirnya menjadi penyelamat kepada sumbangan hasil ketika berlaku kejatuhan harga minyak yang menjejaskan pendapatan kerajaan.

GST semakin diterima, semua hasil program penerangan dilakukan sejak setahun sebelum pelaksanaannya. Pada 1 Disember 2015, jumlah syarikat berdaftar untuk GST dengan Jabatan Kastam 395,524, satu petunjuk sektor perniagaan menerima dan yakin manfaat GST kepada mereka.

Timbalan Ketua Pengarah (Kastam dan GST) Kastam Diraja Malaysia, Datuk Subromaniam Tholasy berkata, beberapa faktor kritikal kejayaan itu termasuk pemasangan dan menaik taraf perisian perakaunan, mengkaji semula sistem dan proses perniagaan supaya mematuhi undang-undang GST.

“Kami melantik penasihat dan duta, program penerimaan selain memujuk orang ramai dijalankan untuk melatih organisasi bukan kerajaan (NGO) kerajaan serta swasta,” katanya. - BERNAMA